

Terserah kerajaan buat keputusan

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyerahkan kepada kerajaan keputusan sama ada mengekalkan penggunaan bahasa Melayu (BM) dalam pengajaran Sains dan Matematik atau kembali menggunakan bahasa Inggeris (BI).

Bagaimanapun, Ketua Pengarahnya Datuk Dr Awang Sariyan berkata, keputusan dibuat kerajaan pada masa ini yang menggunakan BM dalam pengajaran kedua-dua subjek berkenaan perlu dipatuhi kerana ia dilakukan berdasarkan kajian mendalam membabitkan pakar bahasa dan universiti tempatan.

"Kita boleh melahirkan ramai yang hebat dalam BI, tetapi kita tidak harus lupa 24 juta penduduk di negara ini mahir dalam bahasa kebangsaan.

"Kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga menekankan sesuatu ilmu berkesan dalam bahasa ibundanya," katanya pada sidang media selepas majlis Pelancaran Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VIII di DBP, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Menurutnya, penggunaan BI boleh dijadikan sebagai alat nilai tambah dalam memperkaya ilmu tetapi martabat BM perlu diutamakan.

"Kita mengutamakan BM, jika tiada, ia merujuk kepada dialek dan kemudian bahasa serumpun seperti Jawa, Aceh dan Minangkabau dan bahasa asing yang paling rapat seperti BI," katanya.

Katanya, penggunaan



DR Awang

perkataan BI yang dipinjam dalam BM mengikut kesesuaian yang dikaji pakar bahasa.

"Kita masih berusaha menambah banyak dialek dalam BM dan ia terus dilakukan dan menjadi pendidikan kepada masyarakat termasuk guru supaya peka terhadap kosa kata," katanya.

Beliau berkata, DBP menerbitkan 14 buku glosari mengenai dialek setiap negeri dan pelbagai buku glosari bahasa pribumi di Sabah dan Sarawak.

"Agenda kearifan setempat termasuk mengangkat bahasa serumpun supaya bahasa kita melambangkan kekuatan yang dimartabatkan," katanya.

Awang Sariyan berkata demikian ketika mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan BI paling sesuai digunakan sebagai bahasa pembelajaran Sains dan Matematik ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru Dunia Islam (ICTEM) 2013 anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kelmarin.